

PENUTUP

5.0 Kesimpulan

Kesimpulan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada analisis penulis terhadap bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat. Bab satu menceritakan tentang *yawm al-ma'ād* dan *Sunan al-Sittah*. Bab dua pula membicarakan tentang karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Manakala bab tiga dan bab empat adalah rangkuman kajian dan keputusan analisa terhadap takhrij hadith yang terdapat di dalam karya karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Kesimpulan kajian dapat dilihat di dalam sub topik di bawah.

5.1 *Yawm al-ma'ād* dan *Sunan al-Sittah*

Yawm al-ma'ād adalah satu unsur daripada kepelbagaian unsur alam ghaib yang wajib diimani. Kewujudan *yawm al-ma'ād* telah dinyatakan pada pelbagai sumber, sama ada al-Qur'an mahupun al-Sunnah. Mengimani kewujudan *yawm al-ma'ād* adalah merupakan salah satu rukun daripada enam rukun iman yang wajib diyakini oleh setiap individu yang beragama Islam. Mengingkarinya pula menyebabkan individu muslim tersebut terkeluar daripada agama.

Yawm al-ma'ād dibicarakan di dalam karya *Sunan al-Sittah* menggunakan lafaz-lafaz yang pelbagai. Sepanjang pencarian, terma *yawm al-ma'ād* tidak ditemukan. Sebaliknya, beberapa terma lain seperti *yawm al-qiyamah*, *al-hasyr* dan beberapa terma lain telah digunakan oleh pengarang *Sunan al-Sittah* merujuk kepada *yawm al-ma'ād*.

Metode penyenaraian hadith berkaitan *yawm al-ma'ād* di dalam karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* berbanding karya *Sunan al-Sittah* sangat berbeza. Karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* hanya menyenaraikan hadith-hadith berbentuk nasihat sahaja, sedangkan karya *Sunan al-Sittah* meriwayatkan hadith berkaitan *yawm al-ma'ād* dalam konteks yang lebih umum. Pelbagai hadith berkaitan *yawm al-ma'ād* seperti keadaan hari kiamat, bentuk hari kebangkitan, bentuk-bentuk azab, penceritaan tentang titian *sirāt*, *hawd*, sifat syurga dan neraka, *syafā'ah* dan sebagainya.

5.2 Karya *Al-Munabbihāt 'Ala Al-Isti'dād Li Yawm Al-Ma'ād*

Karya ini mempunyai pelbagai nama dan versi serta terdapat percanggahan pendapat mengenai pengarang sebenar karya ini. Kajian demi kajian telah dijalankan oleh pelbagai pihak membuktikan bahawa penulis sebenar karya ini bukanlah al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī sebagaimana yang didakwa dan diketahui umum. Bukti-bukti kukuh yang ditemui ini telah berjaya menyangkal penyandaran palsu karya ini selama beratus-ratus tahun kepada al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar.

Walau bagaimanapun, penulis gagal mengesahkan secara pasti siapakah yang bertanggungjawab di sebalik penghasilan karya ini. Walaupun menemui beberapa nama yang terlibat seperti Zain al-Quḍāt, Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī, al-'Allāmah al-Syeikh Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī dan Ibrahim bin Muhammad, namun hingga ke saat ini penulis tidak dapat memastikan secara pasti siapakah dari kalangan mereka, atau mungkin individu lain, yang terbabit dalam jenayah penyandaran palsu yang sudah pasti mampu merosakkan reputasi seorang intelektual yang hebat seperti al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī.

5.3 Hasil Takhrij Dan Analisis

Kajian membuktikan bahawa hadith-hadith di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kebanyakannya bermasalah. Masalah-masalah yang ditemui pada hadith tersebut adalah seperti sifat *da’if*, sifat *syadh*, palsu, tidak dikehati status hadith dan tidak ditemui. Masalah-masalah yang penulis katagorikan sebagai hadith *mardūd* ini merekodkan peratusan yang sangat besar, iaitu sebanyak 94.1%.

Di samping banyaknya hadith yang bermasalah di dalam karya ini, peratusan hadith yang bersambung rantai sanadnya kepada Rasulullah S.A.W secara *marfū’* pula adalah sangat sedikit, iaitu sebanyak 33.3% sahaja.

Lantaran tidak menyatakan sumber hadith, satu kajian pencarian sumber hadith dilakukan. Penulis mendapati hadith-hadith *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* tidak dinukilkhan di dalam mana-mana karya hadith yang muktabar seperti karya *al-sahīh* dan *al-sunan*. Sebaliknya, hadith-hadith ini ditemui dalam karya-karya *al-adāb wa al-raqā’iq*, *al-takhrij*, *al-masānid*, *al-ma’ājim*, *al-tārīkh*, dan sebagainya.

Justeru, penulis merasakan bahawa karya ini sangat bermasalah dalam pelbagai sudut, bermula dengan penyandarannya secara palsu terhadap tokoh yang agung dalam bidang hadith, diikuti masalah penyenaraian hadith yang tidak *marfū’* kepada Rasulullah S.A.W, di samping masalah penyenaraian hadith tidak bersumber, dan yang paling berbahaya adalah majoritinya berstatus *mardūd*.

5.4 Saranan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa saran dan cadangan yang boleh penulis cadangkan agar jenayah hadith palsu dan pendustaan terhadap tokoh seperti

yang berlaku terhadap karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini tidak berulang lagi. Saranan dan cadangan ini penulis tujukan kepada pihak yang berikut:

5.4.1 Individu

Penulis ingin mencadangkan agar setiap individu muslim mempelajari disiplin ilmu hadith. Setiap individu wajib mengetahui perkara asas berkaitan hadith dan disiplin ilmunya. Pengetahuan tentang disiplin ilmu ini akan membantu dalam mengenal pasti kesahihan sesebuah hadith atau sebaliknya. Mendalami disiplin ilmu ini juga akan membantu individu tersebut mengetahui sumber-sumber hadith yang autentik.

Manusia biasanya gemar berkongsi sesuatu ilmu yang baru diketahuinya dengan orang lain. Hal ini termasuklah hadith-hadith yang baru pertama kali didengarnya. Pada kebiasaannya, setiap hadith menarik yang baru didengari tersebut akan terus dikongsi dan dihebahkan kepada orang lain, tanpa dilakukan analisa terlebih dahulu. Justeru, penulis menyarankan agar kita berwaspada di dalam soal yang melibatkan hadith Rasulullah S.A.W, agar kita tidak terlibat di dalam jenayah menyebarkan hadith palsu yang merupakan satu bentuk pendustaan terhadap Rasulullah S.A.W. Peruntukkan sedikit masa untuk mengkoreksi dan menganalisis sesebuah hadith tersebut terlebih dahulu sebelum menyebarkannya kepada orang lain.

5.4.2 Masyarakat

Masyarakat disarankan agar memahami bahana penularan hadith palsu di kalangan mereka. Hal ini akan menyumbang kepada amalan yang tidak menepati piawaian syariat dan boleh menyumbang kepada amalan bidaah. Masyarakat juga harus memahami

bahawa sesuatu amalan hanya akan diterima sekiranya ia dilakukan mengikut ketetapan syarak.

Andai berlaku penyebaran karya-karya yang memuatkan hadith-hadith yang kedengaran pelik dan diragui statusnya, penulis mencadangkan agar masyarakat melaporkan hal ini kepada pihak yang berkuasa seperti Jabatan Agama Islam di peringkat negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di peringkat nasional, agar tindakan segera boleh diambil. Tindakan pantas yang diambil boleh menyekat penyebaran karya tersebut daripada tersebar dengan lebih meluas.

5.4.3 Pihak Berkuasa

Pihak berkuasa seperti Jabatan Agama Islam di peringkat negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di peringkat nasional, perlu merangka dan menggubal suatu akta yang mampu mengawal selia aktiviti percetakan dan pengedaran bahan-bahan penerbitan yang berkaitan dengan hadith. Akta ini perlu digubal demi memastikan kesahihan sesebuah hadith di dalam bahan bercetak tersebut, seterusnya mampu mencegah penyelewengan yang mungkin berlaku terhadap bahan-bahan berkaitan hadith.

Di Malaysia, kewujudan akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 dan kewujudan unit Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berperanan mengawal dan memastikan semua bahan penerbitan dan teks al-Quran yang dicetak, diterbit, dibawa masuk dari negara luar dan diedar di dalam negara tidak mengandungi bahan-bahan negatif, tidak diingini dan tidak mengandungi kesilapan yang boleh menjaskan kesucian al-Quran sehingga memudaratkan keselamatan

negara, ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat.³⁵² Namun, tiada akta sedemikian bagi melindungi hadith. Justeru, penulis mencadangkan agar pihak berwajib mengambil inisiatif sewajarnya demi memastikan setiap hadith yang sampai kepada pembaca di negara ini berstatus *maqbūl* dan berada dalam keadaan terpelihara.

Pihak berwajib juga disarankan menyediakan satu garis panduan khusus berkaitan penulisan hadith, penerbitan bahan bercetak yang mengandungi hadith dan panduan-panduan khusus yang perlu dititikberatkan oleh setiap penulis, penerbit, pencetak yang berinteraksi dengan hadith. Kewujudan garis panduan ini sedikit sebanyak dapat melindungi dan memelihara kesucian institusi hadith itu sendiri.

Satu cop khusus perlu diperkenalkan sebagai lambang pengesahan kebenaran daripada pihak berwajib untuk mengedarkan bahan-bahan bercetak berkaitan hadith, seperti cop yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagaimana yang terpapar pada halaman akhir dalam mushaf al-Qur'an. Kewujudan cop pengesahan pihak berkuasa ini akan memudahkan orang awam mengenal pasti karya yang berkaitan hadith yang selamat dibaca. Ia juga memudahkan orang ramai berwaspada dengan bahan bercetak berkaitan hadith yang tidak memaparkan cop pengesahan pihak berkuasa, seterusnya memudahkan orang awam melaporkan kes-kes sedemikian kepada pihak berkuasa.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Lantaran kegagalan penulis dalam mengenal pasti individu yang bertanggungjawab terhadap karya ini secara pasti, penulis menyerahkan kepada para pengkaji terkemudian

³⁵² Portal rasmi Kementerian Dalam Negeri Malaysia, dicapai 27 Jun 2012, http://www.moha.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=132%3Apengenalan&catid=36&Itemid=648&lang=ms

yang komited dan sudi menyambung pengkajian ini, agar misteri identiti penulis karya ini dapat dibongkar.

Lantaran keterbatasan waktu dan kekurangan sumber rujukan, banyak hadith di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini tidak berjaya penulis temukan. Justeru, penulis juga mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji terkemudian agar menganalisis hadith-hadith yang belum penulis temui dan mencari sumbernya.

5.6 Penutup

Kajian ini dibentangkan untuk mengetahui status hadith yang terdapat di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti siapakah yang bertanggungjawab menulis karya yang mengandungi banyak hadith yang bermasalah ini yang kemudian menyandarkannya kepada Ibn Ḥajar al-’Asqalānī.

Hasil kajian membuktikan wujudnya kepelbagaian macam jenayah ilmiah yang berlaku di sekeliling kita. Penulis dengan penuh rasa insaf, khuatir karya-karya seperti ini akan menjadi medium penyebaran hadith yang bermasalah, terutamanya hadith-hadith yang berstatus *mawḍū’*, kerana ia adalah merupakan satu perlakuan dusta ke atas nama Rasulullah S.A.W.

Masih banyak lagi karya-karya yang melibatkan penulisan hadith sama ada bercetak mahupun dalam bentuk manuskrip yang belum dikoreksi dan dianalisis. Justeru, dengan mengambil contoh kes karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*, penulis berharap akan ada lagi pengkaji-pengkaji lain yang akan memberikan khidmat mereka untuk mengoreksi serta menganalisis karya-karya lain yang melibatkan penulisan hadith, agar hadith-hadith Rasulullah S.A.W yang sampai kepada pembaca berada dalam keadaan terpelihara dan berstatus *maqbūl*.

Penulis dengan rasa rendah diri telah berusaha sedaya upaya dengan memberikan komitmen sebaik mungkin dalam menjayakan kajian ini. Namun, sebagai manusia biasa yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, penulis pasti ada beberapa perkara yang terkurang dan terlepas pandang. Penulis berharap agar kekurangan di dalam penulisan ini diambil iktibar oleh para pengkaji lain di masa akan datang. Semoga kajian ini bermanfaat untuk para siswazah dan ummah.